



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM LANCAR SISTEM E-TPS
SEBAGAI PEMACU KETELUSAN DAN INOVASI DIGITAL DI
PROGRAM BICARA ASPIRASI H.E.M.A.T.**

PUTRAJAYA, 23 Oktober 2025 – YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, telah melancarkan Sistem e-TPS (Electronic Tribunal Management System) sebagai inisiatif digital berimpak tinggi sempena Program Bicara Aspirasi H.E.M.A.T. anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang berlangsung di Dewan Kristal, Putrajaya, hari ini.

Sistem e-TPS dibangunkan bagi mendigitalkan proses pemfailan tuntutan selaras dengan fungsi Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) sebagai peneraju dalam penyelesaian pertikaian pembeli rumah dan pengurusan strata. Inisiatif ini menyokong prinsip Telus Tadbiran dan Apresiasi Inovasi di bawah nilai teras H.E.M.A.T., selain menjadi simbol komitmen Kerajaan MADANI ke arah transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, cepat dan kos efektif.

Dalam ucap tama beliau, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan menegaskan bahawa pelaksanaan H.E.M.A.T. bukan sekadar inisiatif nilai, tetapi satu teras penting dalam membentuk budaya kerja pegawai awam yang berdaya saing, berintegriti dan berjiwa rakyat. Menurut beliau, kejayaan pelaksanaan nilai ini bergantung kepada kesepaduan seluruh jentera kerajaan untuk menterjemahkannya dalam bentuk tindakan yang nyata, bukan sekadar retorik. “H.E.M.A.T. bukan sekadar slogan, tetapi cara fikir baharu yang menuntut pegawai awam bekerja dengan hati dan berfikir dengan nilai,” jelas beliau.

Program Bicara Aspirasi H.E.M.A.T. berfokus kepada penghayatan lima nilai teras yang digagaskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, iaitu Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran. Pembudayaan nilai-nilai ini menjadi panduan kepada seluruh warga perkhidmatan awam untuk meningkatkan kecekapan, prestasi dan daya saing organisasi dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks.

Sebagai salah satu kementerian peneraju pelaksanaan aspirasi H.E.M.A.T., KPKT terus memperkukuh peranan dalam mempertingkatkan budaya kerja berasaskan nilai dan tadbir urus yang mampan di semua peringkat organisasi termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT). Pendekatan ini mencerminkan kesungguhan Kementerian dalam menyokong Agenda

Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) dengan menekankan prinsip cekap, berintegriti dan responsif kepada rakyat melalui pendekatan bersepadu dan reformasi menyeluruh.

Program ini menghimpunkan lebih 1,000 peserta, termasuk penyertaan secara dalam talian, terdiri daripada pegawai awam dari pelbagai kementerian, agensi dan pihak berkuasa tempatan. Antara yang turut serta ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK), Perbadanan Putrajaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Selain sesi bicara aspirasi, program ini turut disertai reruai pameran oleh pelbagai agensi strategik di bawah KPKT dan agensi berkaitan, termasuk pameran khas oleh Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) yang memperkenalkan Sistem e-TPS sebagai inisiatif utama transformasi digital dalam pengurusan tuntutan. Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK) turut mengambil bahagian sebagai pempamer bagi memupuk kefahaman masyarakat terhadap peranan dan tanggungjawab mereka dalam memastikan ekosistem pinjaman komuniti yang mampan.

Pelaksanaan program ini juga memperlihatkan dukungan padu daripada pelbagai agensi strategik, sekali gus mencerminkan amalan praktikal pendekatan *Whole-of-Government* dalam mengukuhkan nilai H.E.M.A.T. di lapangan. Usaha sinergi ini bukan sahaja memperkukuh pelaksanaan nilai dan mendukung prinsip MADANI, tetapi turut meningkatkan kefahaman pegawai awam terhadap peranan H.E.M.A.T. sebagai panduan kerja yang memberi impak langsung kepada rakyat. Ia turut menyatukan pegawai awam dan warga kementerian dalam semangat kebersamaan yang mendorong penyampaian dasar yang lebih efisien, telus dan berorientasikan rakyat.

Penganjuran Bicara Aspirasi H.E.M.A.T., yang telah berterusan sejak setahun lalu, terus menjadi platform utama bagi memperkukuh kesedaran serta penghayatan pegawai awam terhadap nilai kerja berprestasi tinggi. Program ini juga memperlihatkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) ke arah pentadbiran yang dinamik, efisien dan berjiwa rakyat, selaras dengan aspirasi membina perkhidmatan awam yang cemerlang dan berpaksikan nilai.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 23 Oktober 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (30)